RUMUSAN BERITA MINGGUAN

WEEKLY NEWS BRIEF

Edisi 11/2019

14-21 Julai 2019

DALAM NEGARA

Politik - *Pengukuhan parti politik bukan Melayu di Malaysia: DAP dapat sokongan di Sarawak, Waytha lancar parti kaum India baru.*

Keselamatan - *Malaysia dijadikan lokasi tumpuan warga China terlibat dengan aktiviti risikan, berselindung di sebalik wajah sindiket penipuan*

Keselamatan - *Peningkatan aktiviti ketenteraan dan risikan China terhadap negara dalam projek OBOR, Malaysia antara yang kritikal.*

Ekonomi - *China kukuhkan cengkaman dalam ekonomi Malaysia, dominasi dalam sektor pembuatan, hartanah dan campur tangan dalam pasaran modal Malaysia*

LUAR NEGARA

Keselamatan - *Perkembangan aktiviti counter terrorism Asia Tenggara: Thailand, Singapura dan Filipina menyempurnakan plan peringkat nasional.*

IRIS INSTITUTE

RUMUSAN BERITA MINGGUAN

14-21 Julai 2019

RINGKASAN EKSEKUTIF

Rumusan mingguan edisi ini menyentuh beberapa isu utama dalam negara khususnya dalam isu politik, keselamatan dan ekonomi serta menyentuh isu keselamatan bagi rantau Asia Tenggara.

Landskap politik Malaysia menyaksikan beberapa perkembangan penting minggu ini khususnya berkaitan parti politik bukan Melayu di mana terdapat perkembangan mengenai pergerakan DAP di Sarawak, dan parti baru di bawah Waytha Moorthy.

Landskap keselamatan di Malaysia menyaksikan perkembangan beberapa isu utama yang melibatkan China. Bagi aspek keselamatan dalam negara, isu jenayah yang melibatkan warga China menimbulkan persoalan tentang objektif sebenar di sebalik kes-kes yang berlaku. Manakala bagi aspek keselamatan luar negara, peningkatan pergerakan ketenteraan China khususnya di Selat Melaka dilaporkan semakin serius.

Dalam bidang ekonomi, pergerakan China dalam ekonomi Malaysia perlu diberi perhatian khususnya dalam beberapa sektor penting seperti pembuatan, hartanah dan pasaran modal Malaysia. Hal ini merekodkan campur tangan yang semakin kuat oleh China dalam menentukan hala tuju ekonomi Malaysia.

Bagi rantau Asia Tenggara, 3 buah negara iaitu Thailand, Filipina dan Singapura telah menyempurnakan pelan counter terrorism di peringkat nasional melalui kerjasama kabinet menteri dalam soal terrorisme, undang-undang tentera dan penubuhan pusat counter terrorism yang baru.

DALAM NEGARA

POLITIK



Waytha menubuhkan sebuah parti baharu sambil mengumumkan akan perletakan jawatannya sebagai pengerusi Bertindak Hak Asasi Hindu (Hindraf).

1.0 Pengukuhan parti politik bukan Melayu di Malaysia: DAP dapat sokongan di Sarawak, Waytha lancar parti kaum India baru.

Landskap politik Malaysia menyaksikan beberapa perkembangan penting minggu ini khususnya berkaitan parti politik bukan Melayu. Secara khusus, terdapat perkembangan mengenai pergerakan DAP di Sarawak, dan parti baru di bawah Waytha Moorthy

DAP berjaya mengukuhkan lagi kedudukannya di Sarawak apabila menerima kemasukan seramai 100 penduduk rumah panjang daripada Mungu Demam. Melalui The Borneo Post, ketua rumah panjang, Romeo Serit menyatakan tindakan itu berikutan kepercayaan mereka terhadap pengerusi DAP Sri Aman, Leon Jimat Donald yang dikatakan mampu menjadi saluran dalam menyampaikan hasrat dan krisis yang dihadapi oleh masyarakat kepada kerajaan persekutuan.

Romeo Serit juga menyatakan bahawa DAP merupakan parti komponen yang tepat sebagai wakil mereka di dalam kerajaan persekutuan. Hal ini merupakan kes pertama DAP berjaya mendapat

sokongan kaum dayak rumah panjang.

Bagi kaum India pula, Waytha Morthy yang juga merupakan Menteri Perpaduan dan Kesejahteraan menyatakan hasratnya untuk memperkukuhkan lagi kedudukan kaum India dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, agama, dan sosial melalui penubuhan parti baru Malaysia Advancement Party (MAP). Sehubungan itu, Waytha Morthy juga mengumumkan akan perletakan jawatannya sebagai pengerusi Bertindak Hak Asasi Hindu (Hindraf). Waytha pada masa yang sama menyatakan hasratnya untuk terus memberikan sokongan dan kerjasama kepada Pakatan Harapan dalam mentadbir negara.

DALAM NEGARA

KESELAMATAN

Polis menahan 123 warga China yang dipercayai bekerja sebagai operator perjudian di sebuah premis tingkat 18 di jalan Tebrau, Johor

2.0 Malaysia dijadikan lokasi tumpuan warga China terlibat dengan aktiviti risikan, berselindung di sebalik wajah sindiket penipuan.

Landskap keselamatan di Malaysia menyaksikan perkembangan beberapa isu utama yang melibatkan China. Bagi aspek keselamatan dalam negara, isu jenayah yang melibatkan warga China menimbulkan persoalan tentang objektif sebenar di sebalik kes-kes yang berlaku.

Manakala bagi aspek keselamatan luar negara, peningkatan pergerakan ketenteraan China dilaporkan semakin serius.

Seorang warganegara Malaysia telah ditangkap kerana terlibat dengan sindiket penipuan yang mengaku mempunyai kaitan dengan penguat kuasa negara China. Lelaki tersebut telah diberkas di Kuala Lumpur sebelum dihantar ke Singapura bagi menghadapi perbicaraan mahkamah di sana. Kes ini merupakan kes ketiga berturut-turut yang melibatkan Malaysia dengan sindiket penipuan yang mengguna pakaikan nama China.

Sehingga kini tiga kajian besar telah dilakukan, dijangka selesai pada penghujung tahun ini dan akan dibentangkan di Parlimen. Pelaksanaan ini memerlukan kepada akta Kerajaan Tempatan 1976 digubal untuk membolehkan pilihan raya ini berlaku.

Sebelum itu pada bulan Jun 2019, China telah meminta semua individu dan peralatan yang terlibat dengan sindiket penipuan berhubung China diserahkan kepada pihak berkuasa China. Antara negara yang menjadi sasaran operasi bagi sindiket ini adalah Malaysia, Taiwan, Kenya, Spain dan beberapa buah negara lain. Modus operandi juga menggunakan naratif sama iaitu terlibat dengan unit penguat kuasa China dalam melakukan sindiket penipuan.

Sementara itu, pada bulan Mei 2019 sebelumnya, Polis menahan 123 warga China yang dipercayai bekerja sebagai operator perjudian di sebuah premis tingkat 18 di jalan Tebrau, Johor. Mereka dikatakan mempunyai 118 komputer riba, 287 telefon bimbit, 77 buku catatan dan bekerja dengan 3 syif berterusan selama 24 jam. Antara perkara yang mencurigakan adalah sindiket ini hanya menyasarkan warga China di Tanah besar tetapi berpangkalan di Malaysia.

DALAM NEGARA

KESELAMATAN

Selepas 5 orang warganegara China dibebaskan di Nigeria, China mengisytiharkan bakal menempatkan tentera-tentera mereka di Kawasan pelabuhan penting.

3.0 Peningkatan aktiviti ketenteraan dan risikan China terhadap negara dalam projek OBOR, Malaysia antara yang kritikal.

Berikutan kes penculikan warganegara China di Nigeria, China telah mengisytiharkan untuk menempatkan tentera-tentera mereka di kawasan pelabuhan penting. Antara yang turut terkesan adalah wilayah perairan di Selat Melaka.

Berdasarkan laporan oleh The star, China telah meningkatkan tahap keselamatan ke tahap tiga bagi kapalnya di Selat Melaka. China sebelum ini meningkatkan tahap keselamatan kepada tahap dua ekoran serangan kapal di Selat Hormuz tempoh hari yang berlaku ke atas kapal tangki pada bulan lepas yang melibatkan Amerika dan Iran. Ketua agensi keselamatan maritim Indonesia, Achmad Taufiqoerrochman mengatakan bahawa China tidak mempunyai sebab yang munasabah dalam meningkatkan tahap keselamatan kerana tiada isu yang berlaku di Selat Melaka.

Dalam hal ini Malaysia telah dilaporkan menjalankan eksesais peluru berpandu anti-kapal di perairan Laut China Selatan. Eksesais ini dikatakan sebagai respon tegas Malaysia kepada kes pencerobohan

berkali-kali oleh China ke dalam wilayah perairan Malaysia.

Sebelum itu, SCMP melaporkan China giat melakukan aktiviti perisikan siber di negara-negara yang terlibat dalam projek "One Belt One Road" (OBOR) terutamanya di kawasan Asia Tenggara. Selain itu, FireEye membongkarkan aktiviti perisikan China adalah termasuk perisikan perniagaan mengenai projek utama dan perjanjian yang berkaitan dengan projek OBOR mereka. China juga dikatakan menghantar ejen-ejen perisikannya ke negara-negara Asia Tenggara dengan tujuan untuk mempengaruhi mereka untuk melindungi pelaburan luar China.

DALAM NEGARA

EKONOMI

Duta Besar China ke Malaysia, Bai Tian berkata, pelaburan langsung asing Cina dalam sektor perkilangan di negara ini telah meningkat lebih empat kali ganda dalam tempoh lima tahun lepas, dan menjadi sumber pelaburan asing terbesar dalam sektor itu untuk tempoh tiga tahun berturut-turut.

4.0 China kukuhkan cengkaman dalam ekonomi Malaysia, dominasi dalam sektor pembuatan, hartanah dan campur tangan dalam pasaran modal Malaysia.

Dominasi China dalam ekonomi Malaysia semakin kukuh apabila semakin banyak sektor menerima kemasukan pelaburan dan syarikat China secara besar-besaran.

Dalam sektor pembuatan dan perkilangan, duta besar China ke

Malaysia, Bai Tian mengeluarkan kenyataan di mana China telah melabur sebanyak 422 projek di Malaysia. Pelaburan China di Malaysia dalam sektor perkilangan dikatakan meningkat empat kali ganda selepas inisiatif Jalur dan Jalan (BRI) diperkenalkan.

Bagi sektor hartanah pula, menurut syarikat Knight Frank, aliran modal China sebanyak RM 181 bilion telah berada di pasaran hartanah Malaysia sejak 10 tahun lalu. Dalam sebuah kenyataan oleh pengerusi The Star Media group, Datuk Fu Ah Kiow, beliau turut mengajak syarikat-syarikat cina di Malaysia turut sama melabur dalam projek yang melibatkan China di Malaysia. Hal ini berupaya membuka pengukuhan syarikat China dan Cina Malaysia dalam ekonomi Malaysia sekali gus mengetepikan syarikat melayu dan bumiputera.

Dalam perkembangan lain, China turut melakukan campur tangan dalam pasaran modal Malaysia melalui kerjasama erat Shenzen Stock Exchange dan Suruhanjaya Sekuriti dan Komisen Malaysia. The Star melaporkan bahawa kerjasama ini diketuai oleh Menteri Kewangan Malaysia, Lim Guan Eng dalam lawatannya ke China pada 4 Julai. Selain itu, Pengerusi SZSE, Wu Lijun mengatakan bahawa keberadaan syarikat SZSE di bawah dasar Jalur dan Jalan (BRI) mampu meningkatkan lagi kerjasama diantara dua pihak.

LUAR NEGARA

KESELAMATAN

Seorang pegawai dari Singapore Police Force (SPF) telah dilantik oleh Interpol untuk mengetuai Regional Counter Terrorism Node (RCTN) yang baru bagi rantau Asia Pasifik.

5.0 Perkembangan aktiviti counter terrorism Asia Tenggara: Thailand, Singapura dan Filipina menyempurnakan plan peringkat nasional

Kabinet Menteri Thailand telah meluluskan resolusi United Nations Security Council (UNSC) 2019 dan melantik beberapa menteri supaya terlibat dalam mengelola usaha ini.

Resolusi UNSC telah menggariskan setiap negara perlu mempunyai undang-undang dan operasi counter terrorism yang mengikuti standard antarabangsa iaitu mempunyai sistem menjalankan siasatan kewangan yang berkait aktiviti terrorism, memperketatkan perjalanan antara sempadan serta menghalang negara-negara terlibat dijadikan tempat transit bagi aktiviti terrorism.

Di Filipina pula, kerajaan Filipina telah mendapatkan perkenan istana bagi menggunakan undang-undang tentera terhadap kelompok ekstremis Islam di Manila. Perkara ini membolehkan Filipina menggunakan pendekatan persenjataan tentera bagi meneutralkan

serangan pengganas di wilayah Manila. Sebelum Manila, keseluruhan wilayah Mindanao yang majoritinya umat Islam telah diletakan di bawah undang-undang yang sama. Filipina turut menjalinkan hubungan dengan Washington bagi menjalan operasi ini.

Di Singapura pula, seorang pegawai dari Singapore Police Force (SPF) telah dilantik oleh Interpol untuk mengetuai Regional Counter Terrorism Node (RCTN) yang baru bagi rantau Asia Pacific. RCTN ini dilengkapi dengan 18 database Interpol yang memberi maklumat berkenaan senarai individu yang terlibat dengan terrorism, senarai media sosial, patern serta kaedah perjalanan yang diguna pakai oleh mereka yang di senarai sebagai terrorism.

Selain itu, Singapura telah melancarkan sebuah pusat counter terrorism yang baru yang dikenali sebagai Special Operations Command Centre (SOCC). Pusat ini akan siap menjelang akhir tahun 2019 dan beroperasi bagi memantau serta menjalankan operasi counter-terrorism yang kompleks khususnya serangan yang banyak secara serentak. Pusat ini terletak di Hendon Camp di Loyang.